

TAPAK ARKEOLOGI KAMPUNG PENGKALAN PASIR: ISU PENTARIKHAN CANDI PENGKALAN PASIR (TAPAK 31) DAN ANALISIS SERAMIK

(*PENGKALAN PASIR ARCHEOLOGICAL SITE: PENGKALAN PASIR TEMPLE DATING ISSUES (SITE 31) AND CERAMIC ANALYSIS*)

Zuliskandar Ramli, Muhammad Termizi Hasni, Junko Mori & Muhamad Shafiq Mohd Ali

Abstrak

Kampung Pengkalan Pasir merupakan salah satu kawasan yang mempunyai tapak arkeologi yang terkait dengan zaman protosejarah di mana tinggalan sebuah candi yang dibina dengan menggunakan batu laterit dan bata telah ditemui di kawasan ini. Kajian berkenaan dengan taburan seramik asing di Kampung Pengkalan Pasir ini masih belum dilakukan secara terperinci yang mana jumpaan seramik Dinasti Song hanya dilaporkan oleh Dorothy dan Quaritch-Wales ketika ekskavasi dijalankan di Candi Pengkalan Pasir (Tapak 31). Jumpaan pelbagai jenis seramik asing di Kampung Pengkalan Pasir telah memberikan sedikit gambaran tentang kronologi tapak Kampung Pengkalan Pasir yang dipercayai sudah aktif sejak abad ke-13 Masihi. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Sullivan menganggap bahawa Candi Pengkalan Pasir berunsur ajaran Buddha dengan jumpaan arca tembaga Buddha dan arca teratai yang diperbuat dari tembaga yang diberi gambaran seperti Avalokitesvara ataupun ciri Dewi Tara dianggap dapat menyelesaikan isu fungsi candi ini. Analisis terhadap jumpaan pelbagai jenis seramik di Kampung Baru menunjukkan bahawa seramik ini berasal dari zaman yang dapat dikenal pasti adalah T'ang-Song, Song, Song-Yuan, Song-Yuan-Ming, Yuan-Ming awal dan juga Parsi mewakili abad ke-8 hingga 10 M. Jenis seramik yang paling banyak ditemui adalah daripada jenis celadon dan tembikar batu manakala whiteware, Qing-Pai dan seramik Parsi ditemui dalam kuantiti yang kecil. Analisis seramik asing ini membuktikan bahawa tapak Kampung Pengkalan Pasir sudah aktif digunakan sejak abad ke-8 Masihi lagi dan secara tidak langsung menunjukkan juga bahawa tapak Kampung Pengkalan Pasir berperanan sebagai jeti yang banyak dibina di sepanjang Sungai Muda untuk menampung kesibukan pelabuhan entrepot Kedah Tua.

Kata kunci: Sungai Muda, Candi Permatang Pasir, celadon, zaman protosejarah

Abstract

Kampung Pengkalan Pasir is one of the areas that have archeological sites associated with the prehistoric era where the remains of a temple built using laterite stone and brick have been found in this area. The study regarding the distribution of foreign ceramics in Kampung Pengkalan Pasir has not been done in detail where the Song Dynasty ceramic finds were only reported by Dorothy and Quaritch-Wales when they excavated Pengkalan

Pasir Temple (Site 31). The discoveries of various types of foreign ceramics in Kampung Pengkalan Pasir has given a little insight into the chronology of the site of Kampung Pengkalan Pasir which is believed to have been active since the 13th century AD. Based on the report released by Sullivan, he suggested that the Pengkalan Pasir Temple is a Buddhist influence temple with the discovery of Buddhist bronze statues and lotus statues made of descriptive copper such as Avalokitesvara or the features of Goddess Tara are considered to solve the issue of the function of this temple. Analysis of the discovery of various types of ceramics in Kampung Baru shows that these ceramics originate from the identifiable times are T'ang-Song, Song, Song-Yuan, Song-Yuan-Ming, early Yuan-Ming and even Persians represent the century- 8 to 10 M. The most common types of ceramics are celadon and stone ware while whiteware, Qing-Pai and Persian ceramics are found in small quantities. This foreign ceramic analysis proves that the site of Kampung Pengkalan Pasir has been actively used since the 8th century AD and also indirectly shows that the site of Kampung Pengkalan Pasir serves as a jetty built along the Sungai Muda to accommodate the busy port of Kedah Tua entrepot

Keywords: Muda River, Pengkalan Pasir Temple, celadon, proto-historic era

PENGENALAN

Keberadaan lembangan Sungai Muda yang hilirnya terbuka terus ke Selat Melaka dan hulunya berada di kawasan pergunungan dan kompleks batu kapur menjadikan kawasan lembangan tersebut sebagai sebuah sungai yang berpotensi menggariskan beberapa lapisan kebudayaan tamadun manusia di Malaysia. Malah kawasan lembangan sungai tersebut dilihat mampu menyumbang sumber makanan dan air bersih kepada masyarakat dahulu. Kelebihan ini menjadi faktor kepada terbinanya penempatan yang bagi sesebuah masyarakat awal Prasejarah sehingga ke masyarakat Protosejarah (Quaritch-Wales 1940; Nik Hassan Shuhaimi & Othman 1990; Zuliskandar 2012; Muhammad Termizi 2016; Muhammad Afiq et al. 2018). Sungai Muda juga merupakan salah satu sungai yang dianggap sebagai laluan trans-peninsula yang digunakan sejak zaman Prasejarah lagi (Wheatley 1964). Candi-candi di Kedah tertumpu pada kawasan tepian pantai berhampiran jalan masuk di utara hingga ke Selat Melaka. Semua tinggalan terletak antara selatan Sungai Muda dan Gunung Jerai yang berketinggian 1217 meter, dan 15 km ke selatan. Satu pengecualian daripada kawasan ini adalah candi Bukit Choras, di mana ianya terletak 20 km ke arah utara gunung tersebut.

Dalam lingkungan kawasan ini, terdapat 87 kawasan bertarikh seawal era sejarah telah dilaporkan. 73 daripadanya adalah merupakan tinggalan batu, laterit atau bangunan batu bata, dan 60 dianggap tokong keagamaan. Dua belas tapak terletak diatas bukit, satu ciri yang mungkin timbul daripada kepercayaan prasejarah tentang kesucian tempat tinggi. Di kawasan selatan Gunung Jerai, 22 tapak tidak dapat ditentukan asal zaman atau keagamaannya. Sejumlah 16 candi yang mungkin bertarikh seawal abad-4 Masihi dan daripada jumlah ini 6 kawasan keagamaan Buddha melebihi kawasan yang diketahui keagamaan Hindu, tetapi hampir separuh daripada candi awal tidak dapat dipastikan atasas keagamaannya (Zuliskandar Ramli 2012: 157).

TAPAK CANDI PERMATANG PASIR (TAPAK 31)

Tapak Candi Permatang Pasir (Tapak 31) terletak di Lembangan Sungai Muda dan juga berdekatan dengan Sungai Terus yang alirannya bersambung dengan Sungai Merbok (rujuk Foto 1). Tapak candi ini telah diteliti buat kali pertamanya oleh Quaritch-Wales dan Dorothy- Wales (Dorothy & Quaritch-Wales 1947: 10). Penelitian yang telah dilakukan oleh mereka berdua berjaya menemukan dua bongkahan batu laterit yang mempunyai lubang di bahagian atasnya dan telah ditafsirkan sebagai pelapik tiang yang ditemui dibahagian barat seolah-olah dibahagian pintu masuk candi iaitu bahagian serambi. Manakala galicari bahagian *vimana* telah menemukan sebuah lagi batu persegi empat yang berukuran 2 kaki 5 inci yang mempunyai lubang berbentuk segi empat. Beliau menganggap ianya pernah digunakan sebagai pelapik arca. Secara umumnya beliau menganggap bahawa binaan candi tersebut telah dibina dengan menggunakan batu laterit berdasar sekitar

kawasan tersebut dominan dengan jumpaan batu tersebut dalam keluasan 19 kaki persegi. Selain itu, jumpaan seramik Song turut dilaporkan dalam penilitian mereka. Candi Permatang Pasir dipercayai dibina sebagai candi keagamaan bagi agama Hindu Tantrik (Dorothy & Quaritch-Wales 1947).

Pada tahun 1958, M Sullivan telah melakukan penyelidikan di tempat yang sama (Sullivan 1958). Laporan yang telah dikeluarkan oleh Sullivan berbeza dengan apa yang telah dilaporkan oleh Dorothy-Wales. Sullivan beranggapan bahawa Candi Pengkalan Pasir (Tapak 31) adalah berbentuk segi empat dengan keluasan 11 kaki 9 inci dari arah utara-selatan dan 18 kaki 6 inci dari arah timur dan barat. Analisis yang dilakukan Sullivan telah menghasilkan pendapat bahawa Candi Pengkalan Pasir (Tapak 31) adalah candi yang berunsurkan ajaran Buddha bukannya Hindu kerana tapak candi ini tidak menghadap ke timur seperti mana candi-candi Hindu yang dijumpai di sekitar Kedah, malahan terdapat jalan kecil yang mengelilingi candi tersebut yang diduga untuk kegiatan pradaksina ataupun tempat untuk meletakkan stupa (Sullivan 1958).



Foto 1. Tinggalan bongkahan batu laterit
Candi Permatang Pasir (Tapak 31)

Laporan beliau juga menyebut tentang jumpaan arca tembaga Buddha dan arca teratai yang diperbuat daripada tembaga yang diberi gambaran seperti Avalokitesvara ataupun ciri Dewi Tara. Tiada jumpaan lain yang boleh mangaitkan candi tersebut adalah candi berunsurkan Hindu seperti lingga yang kebiasaan wujud pada candi Hindu di Kedah. Berdasarkan pentarikhannya candi Buddha, Sullivan cenderung meletakkan pentarikhannya sekitar abad ke-10 Masihi kerana perkembangan Buddha Mahayana telah tersebar di Lembah Bujang sekitar abad ke-9 hingga ke-10 Masihi. beliau juga meragui pentarikhinan yang diberi oleh Dorothy Wales yang hanya berdasarkan jumpaan pecahan seramik Song sekitar abad ke-13.

Pada tahun 1961, Alastair Lamb telah menjalankan kerja ekskavasi di tapak yang sama iaitu tapak Candi 31 Permatang Pasir (Lamb 1961). Beliau telah membuat kesimpulan umum tentang struktur vimana-mandapa candi tersebut, yang dapat dibandingkan dengan tapak-tapak candi lain di Lembah Bujang. Walau bagaimanapun kedudukan tapak vimana-mandapa terpisah antara dua bahagian ia seakan-akan sama dengan candi yang ditemui di Padang Lawas, Sumatera. Lamb meletakkan pentarikhinan terhadap candi tersebut sekitar abad ke-12 hingga abad ke-15 Masihi.

Tapak 31 Permatang Pasir merupakan sebuah candi berstruktur vimana-mandapa yang memiliki orientasi Timur-Barat, dengan vimana menghadap ke Timur. Candi tersebut dibina daripada batu jenis laterit dan bata. Di samping itu, turut ditemui tapak-tapak tiang yang masih *in situ*. Hal ini menunjukkan bahawa superstruktur candi tersebut dibina daripada bahan-bahan yang

mudah mereput. Ekskavasi oleh Lamb tidak membawa kepada penemuan sebarang artifak yang dapat memberi pentarikhan baru kepada candi tersebut.

SURVEI TERKINI DI KAMPUNG PENGKALAN PASIR

Penelitian terkini yang dilakukan oleh penyelidik dari Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia di sekitar Kampung Permatang Pasir telah menemukan puluhan seramik yang berasal dari China dan Asia Barat yang terkeluar ke permukaan tanah selepas kawasan bersebelahan Tapak Permatang Pasir dijadikan Tanah Wakaf perkuburan (Rujuk Foto 2). Penemuan pecahan seramik di sekitar perkuburan Islam yang amat berdekatan dengan Candi Permatang Pasir (Tapak 31) mampu memberikan interpretasi baharu kepada persekitaran candi tersebut. Kawasan Candi Permatang Pasir (Tapak 31) merupakan salah satu pengkalan atau jeti sokongan bagi pelabuhan di Sungai Mas yang telah berfungsi dari abad ke-5 hingga abad ke-14 berdasarkan jumpaan seramik yang bertaburan di permukaan tanah sekitar perkuburan Permatang Pasir. Mengambil kira pendapat seperti Sullivan yang menyatakan Candi Pengkalan Pasir (Tapak 31) dibina pada abad ke-10 dan berunsur ajaran Buddha, kemungkinan besar kawasan ini adalah sebuah kawasan yang berkepentingan sebagai pelabuhan kecil dan kawasan hunian masyarakat protosejarah sejak awal lagi yang mana fungsi awal adalah sebagai penempatan masyarakat dan juga jeti kerana keadaan kawasan yang berpasir memudahkan segala aktiviti berkaitan perdagangan dilakukan di kawasan ini.

Penggunaan batu semula jadi seperti batu laterit atau batu lada dalam pembinaan Candi Permatang Pasir hampir sama dengan pembinaan awal candi di Sungai Mas, Candi Bukit Choras, Candi Tapak 2 Sungai Bujang, candi Sungai Batu dan juga Candi Bendang Dalam. Rekod terawal penggunaan batu laterit sekitar abad ke-4 berdasarkan pentarikhan candi Bukit Choras (Quaritch-Wales 1940; Kamaruddin Zakaria 1989). Ini kerana teknologi pemotongan batuan semula jadi telah dikuasai oleh masyarakat tempatan sejak abad ke-4 Masihi lagi (Zuliskandar 2012). Berdasarkan pentarikhan relatif yang dibuat ke atas tapak-tapak candi di Lembah Bujang, didapati bahawa pada tahap awal candi-candi di Lembah Bujang dibina dengan menggunakan batu laterit sebagai bahan utama. Walau bagaimanapun penggunaan jenis bahan binaan tidak semestinya memberikan pentarikhan yang sebenar, malahan ia juga perlu melihat jumpaan lain yang wujud di sekitar candi untuk mendapatkan perbandingan pentarikhan serta lapisan budaya di mana candi tersebut dibina.



Foto 2. Tanah Perkuburan Islam di Kampung Permatang Pasir

TABURAN JUMPAAN SERAMIK DI KAMPUNG PERMATANG PASIR

Kajian yang dilakukan terhadap taburan seramik di tapak arkeologi terutamanya di Lembah Bujang dan lembangan Sungai Muda sudah banyak dilakukan oleh penyelidik arkeologi. Quaritch-Wales ada membincangkan serba sedikit berkenaan dengan jumpaan seramik hasil ekskavasi yang dilakukan oleh beliau pada tahun 1936-1937 di kawasan Pengkalan Bujang serta kajian yang dilakukan oleh Alastair Lamb dan juga Leong Sau Heng (Quaritch-Wales 1940; Lamb 1961; Leong Sau Heng 1973). Kajian secara umum berkenaan jumpaan seramik di Lembah Bujang juga telah dijalankan oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman bersama-sama dengan Othman Yatim yang mendedahkan jumpaan seramik Parsi serta kajian lanjut oleh penyelidik yang lain (Nik Hassan Shuhaimi & Othman 1990; Leong Sau Heng 2001; Asyaari 2018; Nasha Rodziadi Khaw 2011). Manakala kajian yang tertumpu di kawasan Sungai Mas dan Kampung Baru di lembangan Sungai Muda telah dilakukan oleh Jane Allen, Farhana Abdullah dan Junko Mori bersama-sama dengan Zuliskandar Ramli (Allen 1988; Zuliskandar et al. 2011; Farhana 2013; Junko et al. 2019). Seramik yang ditemui sepanjang kajian di Lembah Bujang mempunyai berbagai jenis, bentuk, warna dan corak. Antaranya seramik perdagangan dari China dari zaman Tang, seramik dari Timur Tengah sekitar abad ke-8 hingga abad ke-10, seramik zaman Song, seramik zaman Ming, seramik zaman Ching, seramik berglais China abad ke-19 Masihi, porselin Eropah abad ke-19 Masihi dan beberapa seramik lain. Jumpaan seramik biasanya dijumpai dalam keadaan serpihan atau telah pecah. Walau bagaimanpun terdapat juga penemuan seramik yang lengkap yang selalu diperoleh secara tidak sengaja oleh penduduk tempatan di dalam sungai ketika mereka menjalankan aktiviti menangkap ikan. Begitu juga seramik yang ditemui sekitar candi Permatang Pasir. Bentuk seramik yang ditemui tidak lengkap dan kebanyakannya sudah menjadi serpihan. Era pemerintahan di China sejak sebelum dan selepas Masihi boleh dirujuk pada Jadual 1.

Jadual 1. Era Pemerintahan Negera China sejak sebelum dan selepas Masihi

Dinasti/Zaman	Tarikh (B.C. –A.D)
Dinasti Han	206 B.C –A.D. 220
Zaman 6 Dinasti	A.D. 220-589
Dinasti Sui	581-618
Dinasti T'ang	618-907
Zaman 5 Dinasti	907-960
Dinasti Song	960-1279
Dinasti Ching (Jin/Chin)	1115-1234
Dinasti Yuan	1271-1368
Dinasti Ming	1368-1644
Dinasti Qing (Ch'ing)	1644-1911

Pasukan arkeologi daripada Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia telah melakukan penelitian semula pada tapak Permatang Pasir pada tahun 2015. Terdapat beberapa artifak yang ditemui seperti pecahan seramik, pecahan tembikar tanah dan juga serpihan alatan logam. Oleh yang demikian, kajian ini adalah berdasarkan analisis jumpaan seramik import yang telah dikenal pasti sewaktu jumpaan permukaan di tapak ini. Penelitian semula ini adalah bertujuan untuk melihat semula pentarikhan relatif yang telah dilakukan oleh penyelidik lalu berkenaan perkembangan tapak ini.


Sebanyak 59 pecahan seramik telah diperoleh daripada pemerhatian di permukaan tanah perkuburan Islam Kampung Permatang Pasir. Celadon, *whiteware* dan *stoneware* merupakan antara jenis seramik yang terbanyak dijumpai. Celadon merupakan seramik yang paling banyak ditemui iaitu sebanyak 25 pecahan mewakili 42% jumpaan. Foto 3 menunjukkan celadon, jenis *Yue ware*, berasal dari negeri Zhejiang dan dipercayai dibuat pada zaman Dinasti Tang dan Song. Foto 8 dan Foto 9 pula menunjukkan celadon jenis *Longquan ware* dari negeri Zhejiang yang berbeza zaman pembuatannya. Celadon pada Foto 8 dibuat pada zaman Dinasti Song dan Yuan manakala celadon pada Foto 9 dibuat pada zaman Dinasti Yuan dan Ming awal. *Whiteware* pula dijumpai sebanyak 17 pecahan iaitu 29% daripada jumpaan keseluruhan seperti yang boleh dilihat pada Foto 10

merupakan *white ware* berasal dari negeri Fujian yang dibuat pada zaman Dinasti Song dan Yuan. *Stoneware* pula dijumpai hanya 12 pecahan mewakili 20% daripada keseluruhan jumpaan seramik di tapak ini seperti yang boleh dilihat dalam Foto 4 yang merupakan *stone ware* dari negeri Guangdong dan dibuat pada zaman Dinasti Tang dan Song.

Selain daripada itu, dijumpai juga dalam bilangan yang sedikit seramik jenis Parsi dan juga *Qing-pai*. Sebanyak 3 pecahan seramik Parsi atau hanya 5% daripada jumpaan telah ditemui (Foto 5) dan pecahan *Qing-pai* serta *Qing-pai* atau *whiteware* masing-masing sebanyak 1 pecahan sahaja iaitu hanya mewakili 2% daripada keseluruhan pecahan seramik yang telah ditemui seperti boleh dilihat dalam Foto 6 iaitu *Qing-pai* dari kiln Jingdezhen dari negeri Jiangxi atau *kiln* lain di negeri Fujian dan dibuat pada zaman Dinasti Song. Bilangan pecahan seramik yang ditemui di Kampung Permatang Pasir boleh dilihat dalam Jadual 2 dan pecahan mengikut peratusan boleh dilihat dalam Rajah 1.

Jadual 2. Bilangan seramik yang ditemui di Kampung Permatang Pasir

Jenis	Bilangan
Celadon	25
Stone ware	12
Whiteware	17
Parsi	3
<i>Qing-pai</i>	1
<i>Qing-pai</i> atau <i>Whiteware</i>	1
Jumlah	59




Rajah 1. Peratusan seramik yang ditemui di Kampung Permatang Pasir

Bagi 25 pecahan celadon yang ditemui di Kampung Permatang Pasir, boleh dikenal pasti beberapa jenis celadon seperti *Longquan ware*, *Yue ware*, *Longquan* atau *Yue* dan juga *Longquan* atau *Tongan*. *Longquan ware* merupakan jenis celadon yang paling banyak ditemui iaitu sebanyak 15 pecahan yang mewakili 60% daripada keseluruhan celadon yang ditemui. *Yue ware* pula hanya dijumpai sebanyak 5 pecahan yang mewakili 20% daripada jumpaan. Bagi *Longquan* atau *Yue* dan juga *Longquan* atau *Tongan* pula masing-masing hanya dijumpai sebanyak satu dan dua pecahan yang hanya mewakili 4% dan 8% sahaja. Selain itu juga, terdapat dua pecahan celadon yang tidak dapat dikenal pasti jenisnya. Bilangan celadon mengikut jenis yang ditemui di Kampung Permatang Pasir

boleh dilihat dalam Jadual 3 manakala pecahan mengikut peratusan jenis celadon boleh dilihat dalam Rajah 2 dibawah.

Jadual 3. Jenis celadon yang ditemui di Kampung Permatang Pasir

Jenis celadon	Bil
Longquan ware	15
Yue ware	5
Longquan atau Yue	1
Longquan atau Tongan	2
Tidak diketahui	2
JUMLAH	25



Rajah 2. Peratusan jenis celadon yang ditemui di Kampung Permatang Pasir

Daripada pecahan seramik yang ditemui, boleh dibuat pembahagian berdasarkan zaman mana seramik ini dikeluarkan. Pembahagian berdasarkan zaman membolehkan kita mengetahui pada zaman manakah perdagangan di kawasan Tapak Permatang Pasir berlangsung dengan pesatnya. Daripada 59 pecahan yang ditemui di tapak ini, boleh dikenal pasti enam zaman pembuatan seramik ini. Antara zaman yang dapat dikenal pasti adalah Tang-Song, Song, Song-Yuan, Song- Yuan – Ming, Yuan - Ming awal dan juga Parsi mewakili abad ke-8-10 M. Bagi zaman Tang-Song, terdapat 9 jumpaan pecahan seramik yang mewakili 15% jumpaan keseluruhan seramik. Antara jumpaan pada zaman Tang-Song adalah celadon *Yue ware*, dibuat di negeri Zhejiang seperti yang ditunjukkan pada Foto 3 dan juga *stone-ware* yang dibuat di negeri Guangdong seperti yang dapat dilihat pada Foto 4. Jika dilihat pada Jadual 1, Dinasti Tang berkembang antara 618-907 M. Oleh yang demikian, dipercayai tapak Permatang Pasir ini telah dijadikan kawasan perdagangan seawal abad ke-6 Masihi.

Bagi seramik zaman Song pula ditemui 7 pecahan yang mewakili 12% daripada jumpaan keseluruhan seramik. Antara jumpaan seramik zaman Song adalah Qing-pai yang dipercayai dari kiln Jingdezhen di negeri Jiangxi atau kiln lain yang terdapat di negeri Fujian seperti yang ditunjukkan pada Foto 6. Selain itu, terdapat 8 jumpaan pecahan seramik pada zaman Song-Yuan yang mewakili 14% daripada keseluruhan jumpaan seramik di tapak Permatang Pasir. Antara seramik yang ditemui di tapak ini bagi zaman Song-Yuan adalah seramik yang mempunyai bentuk relief kaki naga, dipercayai dibuat di negeri Fujian daripada kiln Quanzhou (Foto 7). Selain itu dijumpai celadon jenis *Longquan ware*, dipercayai berasal dari negeri Zhejiang seperti yang


ditunjukkan pada Foto 8. Selain seramik berbentuk relief dan juga celadon *Longquan*, terdapat juga jumpaan pada zaman Song-Yuan dalam bentuk *white ware*, dipercayai dari negeri Fujian (Foto 10).

Bagi jumpaan seramik pada zaman Song-Yuan-Ming pula telah ditemui sebanyak 9 pecahan yang mewakili 15% jumpaan keseluruhan seramik. Selain itu, jumpaan pada zaman Yuan-Ming awal adalah sebanyak 4 pecahan dan ianya hanya mewakili 7% sahaja daripada keseluruhan jumpaan seramik di tapak ini. Seramik daripada zaman Yuan-Ming awal adalah celadon, jenis *Longquan ware*, dari negeri Zhejiang seperti yang ditunjukkan dalam Foto 9.

Selain daripada jumpaan seramik buatan Cina, terdapat juga jumpaan seramik daripada Parsi yang berkembang daripada abad ke-8 hingga abad ke-10 Masihi. Hanya 3 pecahan seramik Parsi ditemui sewaktu kerja-kerja penelitian secara permukaan dilakukan (Foto 5). Selain daripada seramik dari Cina dan Parsi, terdapat 19 pecahan seramik yang tidak dapat dikenal pasti zaman pembuatannya dan ini menyumbang kepada peratusan yang terbesar iaitu 32% dalam peratusan jumpaan keseluruhan seramik. Pecahan seramik ini sukar dikenal pasti adalah kerana pecahan yang kecil dan juga bahagian yang ditemui sukar untuk mengenal pasti zaman pembuatan dan tempat pembuatan seramik tersebut. Bilangan seramik yang ditemui berdasarkan zaman pembuatannya boleh dilihat dalam Jadual 4 dan pecahan secara peratusan boleh dilihat pada Rajah 3.

Jadual 4. Bilangan seramik yang ditemui berdasarkan zaman pembuatannya

Zaman	Bilangan
Tang-Song	9
Song	7
Song-Yuan	8
Song- Yuan - Ming	9
Yuan - Ming awal	4
Parsi (abad ke-8-10)	3
Tidak diketahui	19
Jumlah	59



Rajah 3. Peratusan bilangan seramik yang ditemui berdasarkan zaman pembuatannya



Foto 3. Celadon, Yue ware, negeri Zhejiang, zaman Dinasti Tang dan Song



Foto 4. Stone ware, negeri Guangdong, zaman Dinasti Tang dan Song




Foto 5. Seramik Parsi (abad ke 8 -10)



Foto 6. Qing-pai, dari kiln Jingdezhen, negeri Jiangzi atau kiln lain di negeri Fujian, zaman Dinasti Song



Foto 7. Seramik yang ada *relief* kaki naga, negeri Fujian mungkin kiln Quanzhou, zaman Dinasti Song dan Yuan




Foto 8. Celadon, Longquan ware, negeri Zhejiang, zaman Dinasti Song dan Yuan



Foto 9. Celadon, Longquan ware, negeri Zhejiang, zaman Dinasti Yuan dan Ming awal




Foto 10. White ware, negeri Fujian, zaman Dinasti Song dan Yuan

PENILAIAN SEMULA TAPAK KAMPUNG PERMATANG PASIR

Pemerhatian terbaru ini memberikan satu penilaian baru bahawa tapak Kampung Permatang Pasir telah digunakan sejak abad ke-8 atau ke-9 Masihi berdasarkan kepada jumpaan seramik Parsi. Kemungkinan besar masih banyak lagi seramik atau penemuan-penemuan arkeologi mampu ditemui jika dapat dilakukan ekskavasi di tapak tersebut, akan tetapi ia agak mustahil kerana kawasan penemuan seramik tersebut telah pun dijadikan tapak perkuburan Islam. Walau bagaimana pun penemuan-penemuan seramik terbaru ini membuktikan bahawa kewujudan tapak Kampung Permatang Pasir hampir sezaman dengan tapak di Kampung Sungai Mas sebagai sebuah entrepot utama dan juga kerajaan awal di Lembah Bujang.

Kemungkinan besar kawasan tapak Kampung Permatang Pasir adalah pelabuhan sokongan pada waktu sekitar zaman kegembilan kerajaan di Sungai Mas. Kewujudan seramik Parsi, seramik zaman Dinasti T'ang serta jumpaan arca tembaga Buddha dan arca teratai yang diperbuat daripada tembaga yang diberi gambaran seperti Avalokitesvara ataupun ciri Dewi Tara menguatkan lagi hujah bahawa tapak Candi Permatang Pasir adalah sebuah candi yang berunsur ajaran Buddha.

KESIMPULAN

Jumpaan seramik Parsi dan seramik Dinasti T'ang di Tapak Kampung Permatang Pasir yang hampir sama dengan hasil jumpaan yang ada di Kompleks Bersejarah Sungai Mas memberi satu gambaran baru bahawa Pengkalan Pasir juga memainkan peranan penting dalam aktiviti ekonomi Kedah Tua sejak abad ke-8 atau ke-9 Masihi. Kemungkinan besar terdapat masih banyak lagi tapak-tapak jeti sokongan atau candi yang wujud di sekitar tebing Sungai Muda yang masih tertimbus ataupun terbongkar akibat daripada aktiviti pembangunan yang dijalankan.

RUJUKAN

- Allen, J. 1988. Trade, transportation and tributaries: Exchange, agriculture, and settlement distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia. Tesis Ph.D., University of Hawai'i.
- Asyaari Muhamad. 2018. Seramik purba yang diperdagangkan di Malaysia. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Zuliskandar Ramli (pnyt.). *Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu*, hlm. 415-434. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dorothy Wales & Quaritch. 1947. Further Work on Indian Sites in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 20(1): 1-11.
- Farhana Abdullah. 2013. Kepelbagaian Jenis Seramik di Tapak Arkeologi Sungai Mas, Kota Kuala Muda Kedah. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junko Mori, Zuliskandar Ramli & Muhamad Shafiq Mohd Ali. 2019. Kepelbagaian Jenis Seramik Di Tapak Candi Kampung Baru, Kota Kuala Muda, Kedah (Ekskavasi Fasa 2). *Jurnal Arkeologi Malaysia* 32(1): 41-51.
- Kamaruddin bin Zakaria. 1989. Lembah Bujang: Kompleks Percandian Bukit Choras, Kedah Darulaman, Laporan awal. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 2
- Lamb, A. 1961. Miscellaneous Paper on Early Hindu and Buddhist Settlement in Northern Malaya and Southern Thailand. *Federated Museums Journal* 6: 1-90
- Leong Sau Heng. 1973. A Study of Ceramic Deposit from Pengkalan Bujang, Kedah, Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Leong Sau Heng. 2001. Tembikar China dari tapak-tapak arkeologi Malaysia. Dlm. Mohad Shahrim Senik Mohad Sainudin Abullah (pnyt.). *Tembikar, Dari Warisan Ke Warasan*, hlm. 84-98. Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor.
- Nasha bin Rodziadi Khaw. 2011. Pensejarahan Kedah Tua: Satu Analisis Sosioekonomi. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Yatim. 1990. *Antiquities of Bujang Valley*. Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia.
- Muhammad Afiq Omar, Zuliskandar Ramli, Muhamad Shafiq Mohd Ali, Nurul Noorain Ahkemal Ismail, Wan Noor Shamimi Wan Azhar, Siti Salina Masdey, Muhammad Rizal Razman. 2018. Prehistoric settlements along River Basin of Ketil River, Baling, Kedah. *Journal of Food, Agriculture and Environment* 16(1): 91-96
- Muhammad Termizi bin Hasni. 2016. Tapak Hunian Masyarakat Prasejarah dan Protosejarah di Sepanjang Lembangan Sungai Muda. Tesis Sarjana Persuratan. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Quaritch-Wales, H.G. 1940. Archaeological research on ancient Indian colonization in Malaya. *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society* 18(1): 1-85
- Sullivan, M. 1958. Excavation in Kedah and Province Wellesley. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 31 (1): 188-216.
- Zuliskandar Ramli. 2012. Proses Akulturasi Budaya India dan transformasi Ilmu Masyarakat Melayu Kedah Tua Berdasarkan Data Arkeologi dan Kajian Sainstifik. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliskandar Ramli. 2012. Teknologi Pembinaan Candi di Kedah Tua: Perkembangan dan Pentarikhannya. Dlm. *Isu-isu Pentarikan Tapak Warisan dan Artifak Budaya Alam Melayu*. Hlm 25-36. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu
- Zuliskandar Ramli, Farhana Abdullah, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Asyaari Muhamad. 2011. Penemuan seramik China di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 29 (1): 181-199.

Zuliskandar Ramli (Ph. D)
Associate Professor/Deputy Director
Research Laboratory of Archaeology and Archaeometry
Institute of the Malay World and Civilization
Universiti Kebangsaan Malaysia
ziskandar@ukm.edu.my

Muhammad Termizi Hasni
Curator
Archaeology Division
Department of National Heritage

Junko Mori
Institute of the Malay World and Civilization
Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhammad Shafiq Mohd Ali
Science Officer (C44)
Research Laboratory of Archaeology and Archaeometry
Institute of the Malay World and Civilization
Universiti Kebangsaan Malaysia

Received : 2 August 2020
Accepted : 10 September 2020
Published : 30 September 2020